



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinit 5 - 5 Julai 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, tanpa Engkau kami tidak dapat menyenangkan hati-Mu. Perkenankan agar dalam semua hal Roh Kudus-Mu memimpin dan memerintah hati, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin

Injil - Matius 5:43-48

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 2:37-47

BERTEKUN DALAM PENGAJARAN

KISAH PARA RASUL 2:42

"Yesus, tanamkan dalam diriku kerinduan untuk belajar Firman-Mu."

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams>

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. **PERJALANAN PEMURIDAN – ‘GEREJAKU, KELUARGAKU’**

Tempoh Trinité merupakan masa untuk kita memperdalamkan pemuridan sebagai orang Kristian. Kita akan meneruskan siri khutbah yang mengajak kita merenungkan kehidupan kita bersama di Gereja Kristus Likas, serta bagaimana kita dapat saling mendorong untuk bertumbuh dalam iman. Siri ini diambil daripada kehidupan Gereja Mula-mula dalam Kitab Kisah Para Rasul:



- Ciri-ciri Gereja
 - hari ini - 'Belajar Bersama'
 - 12 Julai - 'Berkongsi Bersama'
 - 19 Julai - 'Bersukacita Bersama'
 - 26 Julai - 'Berdoa Bersama'
- Cabaran-cabaran Gereja
 - 2 Ogos - 'Penyalahgunaan', Kisah Para Rasul 3 & 4
 - 9 Ogos - 'Ketidakpercayaan', Kisah Para Rasul 5
 - 16 Ogos - 'Salah faham', Kisah Para Rasul 6

23 Ogos ialah Minggu Penetapan.

Berdoalah agar kehidupan kita sebagai satu tubuh gereja sentiasa dibentuk oleh Roh Allah dan Firman-Nya.

2. **KONFERENSI ALKITAB - 14-15 OGOS, JUM & SAB**

Sebagai sebahagian daripada 'Perjalanan Pemuridan', kami akan mengadakan Konferensi Alkitab dalam Bhs. Inggeris dan Bhs. Melayu:

- Tarikh: 14–15 Ogos (Jumaat & Sabtu)
- Tema: 'Di bumi seperti di syurga' – membentuk pandangan dunia Kristian, iaitu bagaimana memahami kehidupan di bumi dari perspektif syurga.
- Penceramah utama: Dr. Jason Garwood (Amerika Syarikat) – suami, bapa, ahli teologi dan pastor. - <http://jasongarwood.com>
- Maklumat lanjut akan menyusul.

Berdoa agar acara ini membantu kita bertumbuh sebagai murid Kristus.

3. **SINOD DIOSIS**

Dimaklumkan bahawa Sinod Diosis ke-34 akan diadakan pada 24–27 Ogos 2026 di Katedral All Saints. Gereja kita akan diwakili oleh semua paderi serta tiga wakil awam. Doakan agar acara ini berlangsung dengan penuh makna.

4. KELAS-KELAS PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN

Kelas-kelas mengikut ketetapan berikut:

- BC: Sab & Ahd, 10:00 pg, ARK; Rab, 8:00 mlm
- BI, pejabat gereja: Sel, 8:00 mlm; Jum, 7:30 mlm; Sab, 9:30 pg
- BM, pejabat gereja: Ahd, 9:30 pg; Sab, 3:30 ptg; Sab, 7:00 mlm

5. RAKAN KOMUNITI COGS

Sister Margaret ialah seorang 'sister' dalam *Community of the Good Shepherd* (COGS), sebuah ordo Anglikan di Diosis Sabah. Komuniti ini juga mengalu-alukan 'Rakan Komuniti', iaitu mereka yang berkongsi kasih dan komitmen terhadap pelayanan gereja, tetapi tidak berkhidmat sebagai Sister sepenuh masa.

Pada masa ini, rakan komuniti terlibat dalam dua pelayanan utama: (1) Penyediaan wafer untuk Perjamuan Kudus, dan (2) Jahitan pakaian bagi para paderi dan pastor. Wanita yang berminat menjadi rakan komuniti atau ingin mengetahui lebih lanjut tentang panggilan sebagai Sister boleh menghubungi Rektor, yang juga Kapelan komuniti tersebut.

6. KEKOSONGAN JAWATAN DI ANGLICAN RETIREMENT KAMPUNG (ARK)

Pihak ARK sedang mencari Penyelaras Program untuk merancang dan menyelaras aktiviti bagi memastikan para penghuni kekal aktif dari segi mental dan fizikal. Mereka yang berminat boleh menghubungi Warden di 016-818 9013.

7. VAN GEREJA BAHARU

Dua van gereja yang sedia ada sudah berusia, dan perlu diganti demi keselamatan penumpang. Jika anda berkemampuan, sila hulurkan sumbangan dan nyatakan "van gereja" sebagai butiran.

8. PELAYANAN LAINNYA

- 30 Jul, Kha - **Perjamuan Kudus Rumah**, 8:00 pg.
- 20-23 Ogos - **Konferensi Empower 2026**, *Glory Christian Centre*. Perlu mendaftar. Bishop Melter Tais hadir sebagai penceramah.
- 15-16 Sep - **Konvensyen Pelayanan di Tempat Kerja Borneo**, SICC. Dianjurkan oleh Alpha Malaysia. Pendaftaran diperlukan.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan Bunga** hari ini disumbangkan oleh Vera Choo & keluarga.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI ILAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Jul 6	Why 11	Mz 23	Jum, Jul 10	Why 15	Mz 27
	Sel, Jul 7	Why 12	Mz 24	Sab, Jul 11	Why 16	Mz 28
	Rab, Jul 8	Why 13	Mz 25	Ahd, Jul 12	Why 17	Mz 29
	Kha, Jul 9	Why 14	Mz 26			

Kis 2:37–47 – “Gereja yang Dipenuhi Roh” - Untuk renungan & perbincangan:

- Subjek apa paling anda suka / tidak suka di sekolah? Kenapa?
- 3000 orang tersentuh hati (ayat 37). Apakah 4 perkara utama yang mereka lakukan (ayat 42)? Kenapa ia penting? Mana satu yang paling diperlukan untuk CCL sekarang? Dalam beberapa minggu ini, kita akan meneliti setiap satu daripada empat amalan tersebut.
- Mereka “bertekun dalam ajaran para rasul.” Apakah ajaran-ajaran yang mungkin mereka pelajari? Apakah pengajaran yang perlu kita pelajari pada masa kini di CCL?
- Apa jadi kalau ajaran Kristian tidak diikuti dengan betul? Contohnya Galatia 1:6; 3:1. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan: “Kepercayaan yang salah membawa kepada tindakan yang salah”? Kenapa?
- Bagaimana kita boleh belajar ajaran Kristian, dan siapa yang boleh mengajar di CCL? Bolehkah anda juga mengajar orang lain, dan kenapa? Bagaimana anda boleh mengajak orang lain untuk belajar bersama? Berdoalah untuk satu sama lain.

UNTUK DIDOAKAN

Diosis yang Kita Kasihi

- Berdoa untuk Suffragan Bishop Kenneth Thien dan Puan Fui Ying, agar mereka terus melayani umat Tuhan dengan sukacita serta dikurniakan kesihatan yang baik.

Gereja Kristus Likas yang Kita Kasihi

- Berdoa untuk ahli-ahli PCC, agar mereka memimpin dengan rendah hati dan membuat setiap keputusan dengan hikmat daripada Tuhan. Berdoa juga untuk keluarga mereka.

Diri sendiri

- Berdoa agar kita sentiasa rindu untuk mengenal Tuhan dengan lebih mendalam melalui pembacaan Firman, doa, dan pelayanan kepada-Nya.
- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.